



PEKELILING BENDAHARI BIL. 3/2023

**KAEDAH PELAKSANAAN PEROLEHAN/ PROJEK UNIVERSITI
TAHUN 2022 DAN 2023**

1. TUJUAN

- 1.1. Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan mengenai penggunaan Pindaan Pekeliling Perbendaharaan PK 2.2: Kaedah Pelaksanaan Perolehan/ Projek Kerajaan (termasuk Universiti) Tahun 2022 dan 2023 bertarikh 1 Ogos 2022.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1. Pada 1 Ogos 2022, Kementerian Kewangan telah membuat pindaan kepada Pekeliling Perbendaharaan PK 2.2 Kaedah Pelaksanaan Perolehan/ Projek Kerajaan Tahun 2022 dan 2023 (Pindaan pada 1 Ogos 2022) bagi menyokong pertumbuhan dan pemulihan ekonomi negara ekoran ketidakpastian ekonomi global serta ketegangan geopolitik antarabangsa.
- 2.2. Sehubungan dengan itu, Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Bil. 3/2022 pada 1 September 2022 telah memperaku, dan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil. 6/2022 pada 08 Disember 2022 telah meluluskan kaedah perolehan/ projek dengan kelonggaran di dalam pelaksanaan perolehan di Universiti.

3. PELAKSANAAN

- 3.1. Bagi memastikan perolehan dapat dilaksana dengan segera dan membuka lebih banyak peluang, perolehan tahunan dibenarkan untuk dipakejkan kepada yang lebih kecil iaitu secara sebut harga berbanding tender bagi had melebihi RM20,000.00. Namun, perolehan tersebut tidak dibenarkan untuk dipakejkan kepada pembelian terus atau lantikan terus.
- 3.2. Perancangan perolehan harus dilaksanakan lebih awal bagi memastikan semua perolehan yang dirancang dapat dilaksana seperti dijadualkan.

- 3.3. Bagi mana-mana perolehan yang telah dipecahkan kepada pakej lebih kecil dalam tempoh sehingga 30 Jun 2023, kaedah perolehan bagi baki pakej perolehan yang belum dilaksanakan selepas tarikh tersebut adalah berdasarkan had nilai perolehan sedia ada yang berkuatkuasa.
- 3.4. Bagi perolehan kerja, had nilai dan Pihak Berkuasa Melulus (PBM) diteruskan sehingga 30 Jun 2023 seperti berikut :

Bil	Kaedah Perolehan	Had Nilai	PBM
1.	Lantikan Terus	Sehingga RM20,000.00	Pegawai yang diberi kuasa
2.	Kerja <i>Requisition</i> secara undian	Sehingga RM100,000	Tidak dilaksana di UKM
3.	Sebut harga	Melebihi RM20,000 hingga RM800,000	Jawatankuasa Sebut harga
4.	Tender	Melebihi RM800,000	Jawatankuasa Perolehan Tender

- 3.5. Had nilai dan syarat perolehan bagi perolehan kerja adalah seperti di **Lampiran 1**.

4. PEMATUHAN DAN PENGUATKUASAAN

- 4.1. Bagi maksud pelaksanaan pekeliling ini, Surat Setuju Terima hendaklah dikeluarkan selewat-lewatnya pada 30 Jun 2023. Perkara-perkara lain yang tidak dinyatakan di dalam pekeliling ini adalah tertakluk kepada peraturan semasa yang sedang berkuatkuasa.
- 4.2. Kaedah pelaksanaan perolehan yang telah digariskan dalam pekeliling ini adalah berkuatkuasa mulai 1 Julai 2022 sehingga 30 Jun 2023.

5. PEMBATALAN

- 5.1. Selaras dengan penguatkuasaan pekeliling ini, maka Pekeliling Bendahari Bil. 4/2021 Pelaksanaan Perolehan Universiti Bagi Tahun 2021 adalah dibatalkan.